

# Kementerian Kesihatan

## Maksud Bekalan/Pembangunan 42

### CARTA PERBELANJAAN SEBENAR (2019 – 2021) DAN PERUNTUKAN (2022 – 2023) BAGI MENGURUS DAN PEMBANGUNAN



### VISI

Negara menggembeng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik.

### MISI

- (i) Menerajui dan berusaha bersama-sama untuk memudahkan dan membolehkan rakyat mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan, menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga serta mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka; dan
- (ii) Memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi, iaitu mengutamakan pelanggan, saksama, tidak membebankan, cekap, wajar mengikut teknologi, boleh disesuaikan mengikut persekitaran, inovatif dengan menekankan sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan (budaya korporat), sifat menghormati maruah insan dan penglibatan masyarakat.

### PELANGGAN

Orang Awam

## KERANGKA KEBERHASILAN KEMENTERIAN

### PRESTASI OUTCOME KEMENTERIAN

#### Outcome 1 : Akses dan kesaksamaan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan

Petunjuk Prestasi Utama	2021 (Sebenar)	2022 (Sasaran)	2023 (Sasaran)
Nisbah doktor perubatan (termasuk pegawai siswazah) kepada penduduk	1:470	1:470	1:450
Nisbah doktor pergigian kepada penduduk	1:2,807	1:2,417	1:2,209
Nisbah jururawat kepada penduduk	1:285	1:267	1:255
Nisbah katil hospital kepada penduduk	1:495	1:505	1:500
Nisbah bilik pemeriksaan di klinik kesihatan kepada 10,000 penduduk	3.05	3.04	3.04

#### Outcome 2 : Tempoh bertindak (responsiveness) dalam penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan

Petunjuk Prestasi Utama	2021 (Sebenar)	2022 (Sasaran)	2023 (Sasaran)
Masa respons ambulan untuk kes kecemasan Prioriti-1 mengikut tempoh yang ditetapkan (%)	32.93	32.00	32.00
Peratusan pesakit luar yang menunggu kurang dari 90 minit berjumpa pegawai perubatan di klinik pesakit luar (%)	-	87.00	90.00
Peratusan pesakit menunggu kurang dari 3 bulan bagi pembedahan elektif <i>thyroidectomy</i> (%)	90.00	90.00	90.00

#### Outcome 3 : Pengurangan mortaliti dan morbiditi yang boleh dielak

Petunjuk Prestasi Utama	2021 (Sebenar)	2022 (Sasaran)	2023 (Sasaran)
Kadar jangkaan hayat lelaki ketika lahir (tahun)	73.20	73.20	73.50
Kadar jangkaan hayat perempuan ketika lahir (tahun)	78.30	78.30	78.90
Kadar kematian bayi bagi 1,000 kelahiran hidup (orang)	5.70	7.10	7.10
Kadar kematian ibu bersalin bagi 100,000 kelahiran hidup (orang)	24.90	18.90	18.30

## PROGRAM 1 : PENGURUSAN

### PRESTASI OUTCOME PROGRAM

#### Outcome : Penyampaian perkhidmatan yang berkesan

Petunjuk Prestasi Utama	2021 (Sebenar)	2022 (Sasaran)	2023 (Sasaran)
Peratusan Pencapaian Piagam Pelanggan (%)	99.00	99.00	99.00
Indeks Kepuasan Pelanggan (%)	95.00	95.00	95.00

#### Aktiviti 1 : Pengurusan Ibu Pejabat/Negeri

Fungsi : Memberi khidmat sokongan dan nasihat dalam bidang pengurusan.

### Aktiviti 2 : Sumber Manusia

Fungsi : Merancang dan mengurus hal ehwal pentadbiran sumber manusia secara optimum, berintegriti, berpengetahuan dan berkemahiran.

### Aktiviti 3 : Kewangan

Fungsi : Memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan secara teratur dan efisien berdasarkan peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa.

### Aktiviti 4 : Pengurusan Latihan

Fungsi : Menyedia tenaga manusia yang terlatih dan kompeten melalui pelbagai program latihan bagi menyokong sistem penyampaian kesihatan negara.

### Aktiviti 5 : Pengurusan Maklumat

Fungsi : Menyedia perkhidmatan ICT yang komprehensif bagi menyokong perkhidmatan penjagaan kesihatan.

### Aktiviti 6 : Pembangunan Kompetensi

Fungsi : Melaksanakan pembangunan kompetensi dan potensi sebagai usaha membudayakan pembelajaran berterusan dan pembangunan kerjaya personel Kementerian.

## PROGRAM 2 : PERUBATAN

### PRESTASI OUTCOME PROGRAM

#### Outcome 1 : Pengurangan mortaliti dan morbiditi di hospital KKM

Petunjuk Prestasi Utama	2021 (Sebenar)	2022 (Sasaran)	2023 (Sasaran)
Insiden <i>massive postpartum haemorrhage</i> selepas kelahiran anak (%)	0.51	0.50	0.50
Kadar kematian kanak-kanak berumur antara 1 bulan dan 5 tahun (yang sebelumnya sihat) disebabkan oleh <i>community acquired pneumonia</i> (%)	0.01	0.01	0.01

#### Outcome 2 : Perkhidmatan perubatan yang mudah diakses, saksama dan berkualiti di hospital KKM

Petunjuk Prestasi Utama	2021 (Sebenar)	2022 (Sasaran)	2023 (Sasaran)
Peratusan pengisian kepakaran asas di hospital pakar minor KKM (%)	65.00	65.00	65.00
Peratusan peningkatan pakar-pakar perubatan yang diwartakan setiap tahun (%)	12.01	12.00	12.00

**Outcome 3 : Perkhidmatan pelanggan yang cekap dan reliable di hospital KKM**

Petunjuk Prestasi Utama	2021 (Sebenar)	2022 (Sasaran)	2023 (Sasaran)
Peratusan penyediaan laporan perubatan mengikut masa yang ditetapkan (%)	90.00	90.00	90.00
Peratusan pesakit menunggu 90 minit untuk berjumpa doktor di klinik pakar di hospital negeri/berpakar (%)	90.00	90.00	90.00
Peratusan hospital KKM mencapai sekurang-kurangnya 35% bagi kepuasan keseluruhan dalam <i>Patient Experience Survey</i> untuk komponen kepuasan keseluruhan (%)	-	80.00	80.00

**Aktiviti 1 : Pengurusan Perubatan Ibu Pejabat/Negeri**

Fungsi : Merancang, menyelaraskan, memantau dan menilai pelaksanaan program rawatan perubatan, pengurusan aduan dan aktiviti penguatkuasaan secara cekap, berkesan dan mudah diperolehi oleh pelanggan.

**Aktiviti 2 : Pengurusan Hospital**

Fungsi : Memastikan perkhidmatan yang disediakan di hospital termasuk pengurusan rekod perubatan pesakit dan penyediaan statistik serta laporan perubatan pesakit adalah sistematik, bersesuaian dan cekap.

**Aktiviti 3 : Rawatan Kecemasan dan Pesakit Luar**

Fungsi : (a) Menyelaraskan perkhidmatan kecemasan oleh hospital 24 jam sehari untuk perkhidmatan pra-hospital yang termasuk rawatan pra-hospital, perkhidmatan ambulan, panggilan kecemasan 999, *interfacility transfer*, respons kepada kejadian bencana dan pasukan perlindungan perubatan; dan  
(b) Menyelaraskan perkhidmatan kecemasan oleh hospital 24 jam sehari dalam hospital yang merangkumi perkhidmatan saringan pesakit sebelum dirawat di zon yang sesuai, rawatan kecemasan dan definitif kepada pesakit yang mengalami kemalangan trauma, masalah perubatan, masalah penderaan dan rawatan di wad pemerhatian.

**Aktiviti 4 : Rawatan Am Pesakit Dalam**

Fungsi : Menyedia perkhidmatan diagnosis, penjagaan dan pemulihan yang bersesuaian, mencukupi, selesa, berkesan dan mudah diperolehi oleh orang ramai yang memerlukan *institutional care*.

**Aktiviti 5 : Perubatan Am**

Fungsi : Menyedia perkhidmatan kepakaran perubatan yang merangkumi perkhidmatan diagnosis, rawatan, pencegahan, penjagaan dan pemulihan yang bersesuaian serta berkesan kepada pesakit dewasa luar di klinik pakar dan pesakit dewasa dalam yang tidak boleh dirawat di jabatan pesakit luar am atau poliklinik.

**Aktiviti 6 : Pembedahan Am**

---

Fungsi : Menyedia perkhidmatan kepakaran pembedahan kepada pesakit yang memerlukan rawatan pembedahan bagi mencapai tahap kesihatan optimum serta mengurangkan kadar infeksi dan komplikasi selepas pembedahan.

**Aktiviti 7 : Obstetrik dan Ginekologi**

---

Fungsi : Menyedia perkhidmatan rawatan obstetrik dan ginekologi termasuk sub-kepakaran bagi memastikan kejayaan kelahiran bayi dan keselamatan ibu bersalin (obstetrik), khususnya kes obstetrik yang berisiko tinggi dan memulihkan pesakit yang mengalami masalah sakit puan (ginekologi).

**Aktiviti 8 : Pediatrik**

---

Fungsi : Menyedia kepakaran perubatan pediatrik kepada bayi, kanak-kanak dan remaja secara komprehensif bagi mengurangkan kadar kematian bayi baru lahir dan kesan jangka panjang penyakit.

**Aktiviti 9 : Ortopedik**

---

Fungsi : Menyedia perkhidmatan diagnosis, pengurusan terapeutik dan rehabilitasi yang bermutu tinggi kepada pesakit yang mengalami trauma dan penyakit yang berhubung dengan sistem otot rangka dan penggerak.

**Aktiviti 10 : Anaesthesiologi dan Rawatan Rapi**

---

Fungsi : Memberi rawatan pra-pembiusan, pembiusan semasa pembedahan dan selepas pembedahan serta rawatan rapi yang komprehensif dan efektif kepada pesakit.

**Aktiviti 11 : Oftalmologi**

---

Fungsi : (a) Memberi perkhidmatan oftalmologi untuk mengurangkan kes kecacatan penglihatan yang boleh dielakkan; dan  
(b) Memperbaiki keadaan pesakit yang kurang daya penglihatan dan menghadapi penyakit mata yang lain.

**Aktiviti 12 : Otorinolaringologi (ENT)**

---

Fungsi : Memberi rawatan pembedahan ENT yang komprehensif dan efektif kepada pesakit yang mengalami masalah telinga, hidung dan tekak agar dapat meningkatkan kualiti hidup, kadar pertumbuhan dan pemulihan.

### **Aktiviti 13 : Dermatologi**

---

Fungsi : Menyedia perkhidmatan kepakaran dermatologi yang merangkumi perkhidmatan diagnosis, rawatan, pencegahan, penjagaan, pemulihan dan pendidikan yang bersesuaian serta berkesan kepada pesakit luar di klinik pakar dan pesakit dalam yang tidak boleh dirawat di jabatan pesakit luar am atau poliklinik.

### **Aktiviti 14 : Neurologi**

---

Fungsi : Menyedia perkhidmatan diagnosis, rawatan, penjagaan dan pemulihan yang bersesuaian serta berkesan dan memastikan semua pesakit yang menghidap penyakit neurologi yang menerima rawatan di hospital mendapat rawatan yang sewajarnya.

### **Aktiviti 15 : Nefrologi**

---

Fungsi : Menyedia perkhidmatan nefrologi yang merangkumi diagnosis, rawatan, penjagaan dan pemulihan yang bersesuaian serta berkesan termasuk perkhidmatan hemodialisis dan *continuous ambulatory peritoneal dialysis* untuk pesakit penyakit buah pinggang terutamanya pesakit kegagalan ginjal peringkat akhir yang menerima rawatan di hospital dan rumah.

### **Aktiviti 16 : Pembedahan Neuro**

---

Fungsi : Memberi rawatan kepada pesakit yang menghidap penyakit atau keadaan yang berkaitan dengan sistem otak dan saraf yang memerlukan rawatan secara pembedahan atau rawatan sewajarnya.

### **Aktiviti 17 : Urologi**

---

Fungsi : Memberi rawatan pembedahan urologi yang komprehensif dan efektif serta kesedaran kepada pesakit yang mengalami masalah penyakit genitourinari agar dapat meningkatkan kualiti hidup, kadar penyembuhan dan pemulihan.

### **Aktiviti 18 : Pembedahan Plastik**

---

Fungsi : Memberi rawatan kepakaran pembedahan plastik dan rekonstruktif kepada pesakit yang mempunyai kecacatan semulajadi sejak lahir (*congenital*), yang disebabkan oleh kecederaan (*acquired*) atau menghidap penyakit tertentu seperti ketumbuhan melalui pembedahan rekonstruktif supaya pesakit boleh menjalani kehidupan secara normal.

### **Aktiviti 19 : Radioterapi dan Onkologi**

---

Fungsi : Merawat pesakit kanser melalui rawatan kemoterapi dan radioterapi dengan tujuan menyembuhkan kesan penyakit kanser, termasuk aspek rawatan paliatif seperti psikologi, kaunseling dan *hospice care*.

---

**Aktiviti 20 : Pengimejan Diagnostik**

---

Fungsi : Menyedia perkhidmatan pengimejan diagnostik yang cekap, tepat, berkualiti, berteknologi dan berkesan bagi menyokong perawatan pesakit di samping menekankan aspek keselesaan dan keselamatan pesakit.

---

**Aktiviti 21 : Patologi**

---

Fungsi : Menyedia perkhidmatan makmal yang selamat, sempurna, berkesan dan menyeluruh bagi menyokong kepada rancangan program rawatan perubatan.

---

**Aktiviti 22 : Farmasi dan Bekalan**

---

Fungsi : Memastikan semua pesakit memperoleh ubat yang ditetapkan pada tahap kualiti dan kuantiti yang berpatutan dan dalam tempoh masa yang sesuai serta memberi keterangan penggunaan yang berkaitan dengan ubat tersebut.

---

**Aktiviti 23 : Dietetik dan Sajian**

---

Fungsi : Memastikan makanan dan perkhidmatan klinikal serta promosi kesihatan pemakanan dilaksanakan secara berkualiti dengan mengutamakan pelanggan.

---

**Aktiviti 24 : Kardiotorasik**

---

Fungsi : Menyedia perkhidmatan pembedahan kardiotorasik, kardiologi dan *perfusion anesthesia* yang komprehensif supaya dapat mengurangkan morbiditi dan *premature mortality* yang disebabkan oleh penyakit jantung yang boleh dirawat secara pembedahan atau perubatan.

---

**Aktiviti 25 : Perubatan Nuklear**

---

Fungsi : Meningkatkan taraf perkhidmatan perubatan nuklear dari segi diagnosis, rawatan dan pemulihan yang berkualiti, tepat, selamat dan moden kepada pesakit agar mencapai tahap pemulihan yang optimum.

---

**Aktiviti 26 : Perubatan Respiratori**

---

Fungsi : Menyedia perkhidmatan kepakaran perubatan respiratori yang merangkumi perkhidmatan diagnosis, rawatan, pencegahan, penjagaan, pemulihan dan pendidikan yang bersesuaian serta berkesan kepada pesakit luar di klinik pakar dan pesakit dalam yang tidak boleh dirawat di jabatan pesakit luar am atau poliklinik.

### **Aktiviti 27 : Psikiatri dan Kesihatan Mental**

---

- Fungsi :
- (a) Menyedia perkhidmatan kepakaran psikiatri dan kesihatan mental yang merangkumi perkhidmatan diagnosis, rawatan, pencegahan, penjagaan, pemulihan dan pendidikan yang bersesuaian serta berkesan kepada pesakit luar di klinik pakar dan pesakit dalam yang tidak boleh dirawat di jabatan pesakit luar am atau poliklinik; dan
  - (b) Meningkatkan kualiti perkhidmatan rawatan pesakit psikiatri dan kesihatan mental di komuniti dan klinik kesihatan dengan penglibatan ahli keluarga dalam perawatan.

### **Aktiviti 28 : Perubatan Rehabilitasi dan Perubatan Tradisional dan Komplimentari**

---

- Fungsi :
- Menyedia pekhidmatan rehabilitasi untuk pesakit yang kurang upaya bagi meningkatkan kemahiran berdikari supaya fungsi dan tahap keupayaan fizikal, psikologi, sosial dan emosi dapat dikembalikan ke tahap asal atau sekurang-kurangnya ke tahap optimum.

### **Aktiviti 29 : Perubatan Transfusi Darah**

---

- Fungsi :
- (a) Mewujud dan mengekalkan penderma darah sukarelawan yang selamat dari kumpulan berisiko rendah;
  - (b) Menyedia komponen dan produk darah yang selamat, mencukupi dan berkualiti;
  - (c) Melaksana prosedur saringan, pemprosesan, penstoran dan keserasian darah mengikut piawaian antarabangsa; dan
  - (d) Mewujud rangkaian perkhidmatan transfusi perubatan di seluruh negara dan menyumbang kepada perkhidmatan *cell therapy* melalui Tabung Darah Tali Pusat dan *National Stem Cell Coordinating Centre* (NSCCC).

### **Aktiviti 30 : Perubatan Forensik**

---

- Fungsi :
- Menyedia perkhidmatan perubatan forensik yang cekap, berkesan bagi menampung keperluan sistem perundangan dan meningkatkan piawaian kualiti sejajar dengan kemajuan teknologi.

## **PROGRAM 3 : KESIHATAN AWAM**

---

### **PRESTASI OUTCOME PROGRAM**

#### **Outcome 1 : Komuniti diperkasa dengan amalan cara hidup sihat**

<b>Petunjuk Prestasi Utama</b>	<b>2021 (Sebenar)</b>	<b>2022 (Sasaran)</b>	<b>2023 (Sasaran)</b>
Peratusan komuniti yang berlebihan berat badan dan obes yang mengikut program intervensi <i>I Fit Eat Right</i> (IfitER) yang berjaya menurunkan sekurang-kurangnya 10% daripada berat badan asal (%)	11.00	20.00	20.00
Peratusan komuniti yang diperkasa dengan amalan cara hidup sihat melaksanakan aktiviti pendidikan kesihatan (%)	45.80	65.00	65.00



**Outcome 2 : Pencegahan dan kawalan penyakit serta kejadian kesihatan awam yang berkesan**

Petunjuk Prestasi Utama	2021 (Sebenar)	2022 (Sasaran)	2023 (Sasaran)
Peratusan kadar sembuh penyakit tuberkulosis (%)	81.60	87.00	87.00
Kadar kematian kes demam denggi setiap tahun (%)	0.16	< 0.20	< 0.20
Peratusan Kanak-kanak dalam Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan yang berjaya meningkat berat badan berdasarkan standard tumbesaran <i>World Health Organization</i> 2006 (%)	71.49	70.00	72.00
Kadar berjaya berhenti merokok melalui Klinik Berhenti Merokok (%)	56.40	35.00	35.00

**Outcome 3 : Perkhidmatan kesihatan primer yang boleh diakses dan saksama**

Petunjuk Prestasi Utama	2021 (Sebenar)	2022 (Sasaran)	2023 (Sasaran)
Peratusan liputan ibu hamil yang menjalani pemeriksaan antenatal di fasiliti kesihatan KKM (%)	81.00	80.00	80.00
Peratusan liputan murid sekolah tahun enam yang menerima perkhidmatan pasukan kesihatan sekolah (%)	98.00	95.00	95.00

**Aktiviti 1 : Pengurusan Kesihatan Awam Ibu Pejabat/Negeri**

Fungsi : Merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan pengurusan sumber selaras dengan dasar kesihatan awam.

**Aktiviti 2 : Pembangunan Kesihatan Keluarga**

Fungsi : Meningkatkan dan mengekalkan kesihatan fizikal, mental dan sosial individu, keluarga dan komuniti melalui perkhidmatan primer, yang mudah dicapai, bersepadu, responsif gender, mesra pelanggan dan berkualiti.

**Aktiviti 3 : Kawalan Penyakit**

Fungsi : Mengurangkan morbiditi dan mortaliti akibat penyakit berjangkit, penyakit tidak berjangkit serta kejadian kecemasan kesihatan awam agar ianya tidak menjadi ancaman kepada kesihatan masyarakat.

**Aktiviti 4 : Pemakanan**

Fungsi : Meningkatkan status pemakanan rakyat Malaysia dan menurunkan *prevalent* penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan.

**Aktiviti 5 : Farmasi dan Bekalan Kesihatan Awam**

Fungsi : (a) Meningkatkan akses kepada ubat, vaksin, bukan ubat dan reagen secara sama rata melalui pengurusan yang berkesan; dan  
(b) Memastikan penggunaan ubatan penting yang selamat, berkesan, berkualiti dan secara rasional bagi memperbaiki kesihatan rakyat.

## Aktiviti 6 : Pendidikan Kesihatan

Fungsi : Meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran, membentuk sikap positif masyarakat serta menggalakkan amalan cara hidup sihat melalui aktiviti promosi kesihatan yang berkesan.

## PROGRAM 4 : KESIHATAN PERGIGIAN

### PRESTASI OUTCOME PROGRAM

#### Outcome 1 : Perkhidmatan pergigian yang berkualiti dan responsif

Petunjuk Prestasi Utama	2021 (Sebenar)	2022 (Sasaran)	2023 (Sasaran)
Peratusan klinik pergigian dengan pensijilan sistem kualiti (%)	89.40	89.00	89.00
Peratusan pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan rawatan pergigian yang diberi (%)	97.00	98.00	98.50

#### Outcome 2 : Pencegahan dan pengurangan morbiditi akibat penyakit pergigian

Petunjuk Prestasi Utama	2021 (Sebenar)	2022 (Sasaran)	2023 (Sasaran)
Peratusan murid sekolah menengah mengekalkan status <i>orally fit</i> (%)	67.80	69.00	69.00
Peratusan murid sekolah rendah mengekalkan status <i>orally fit</i> (%)	60.10	64.00	64.00
Peratusan murid 6 tahun bebas penyakit karies gigi (%)	36.50	38.00	38.00

#### Outcome 3 : Akses dan kesaksamaan di dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian

Petunjuk Prestasi Utama	2021 (Sebenar)	2022 (Sasaran)	2023 (Sasaran)
Peratusan pesakit yang menggunakan perkhidmatan pergigian primer (%)	7.80	24.00	24.00
Peratusan pesakit yang menggunakan perkhidmatan pergigian kepakaran bedah mulut maksilofasial (%)	36.50	38.00	38.00

## Aktiviti 1 : Pengurusan Kesihatan Pergigian Ibu Pejabat/Negeri

Fungsi : Merancang, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar dan program kesihatan pergigian serta tadbir urus klinikal dan pengurusan sumber.

## Aktiviti 2 : Kesihatan Pergigian Primer

Fungsi : Merancang, melaksana, memantau dan menilai serta menyediakan perkhidmatan pergigian primer kepada pesakit luar melalui program penggalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan.

### **Aktiviti 3 : Kesihatan Pergigian Masyarakat**

Fungsi : Merancang, melaksana, memantau dan menilai aktiviti pemfluoridaan air minuman, perkhidmatan pencegahan klinikal kesihatan pergigian, saringan kanser mulut serta aktiviti dan perkhidmatan kesihatan pergigian di dalam komuniti.

### **Aktiviti 4 : Kesihatan Pergigian Kepakaran**

Fungsi : Merancang, melaksana, memantau dan menilai serta menyediakan perkhidmatan pergigian kepakaran klinikal di hospital iaitu kepakaran bedah mulut dan maksilofasial, pergigian pediatrik, patologi dan perubatan mulut, pergigian keperluan khas dan pergigian forensik serta perkhidmatan pergigian kepakaran klinikal di fasiliti *non-hospital based* iaitu kepakaran ortodontik, periodontik, pergigian restoratif dan pakar pergigian kesihatan awam.

## **PROGRAM 5 : PERKHIDMATAN FARMASI**

### **PRESTASI OUTCOME PROGRAM**

**Outcome :** *Perkhidmatan farmasi yang boleh diakses, saksama, berkualiti dan responsif*

<b>Petunjuk Prestasi Utama</b>	<b>2021 (Sebenar)</b>	<b>2022 (Sasaran)</b>	<b>2023 (Sasaran)</b>
Nisbah ahli farmasi kepada penduduk	1:1,551	1:1,424	1:1,000
Peratusan preskripsi yang berjaya didispens dalam masa 30 minit (%)	97.15	95.00	95.00
Peratusan produk farmaseutikal yang didaftarkan dalam tempoh masa yang ditetapkan (%)	98.88	95.00	95.00

### **Aktiviti 1 : Pengurusan Perkhidmatan Farmasi Ibu Pejabat/Negeri**

Fungsi : Membangun, menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar melalui pengurusan sumber yang efisien selaras dengan visi dan misi program perkhidmatan farmasi.

### **Aktiviti 2 : Amalan dan Perkembangan Farmasi**

Fungsi : (a) Mengurus amalan farmasi dari segi pemilihan, perolehan, penyelarasan harga ubat dan pengukuhan aktiviti penjagaan farmaseutikal;  
(b) Memastikan universiti yang menawarkan program farmasi mendapat pengiktirafan penuh; dan  
(c) Melaksana pendaftaran ahli farmasi untuk tujuan praktis.

### **Aktiviti 3 : Penguatkuasaan Farmasi**

Fungsi : Menyelaras dan melaksana aktiviti penguatkuasaan, pelesenan dan kawalan iklan ke atas produk kesihatan, kosmetik dan bahan terkawal berdasarkan undang-undang semasa yang berkuat kuasa.

#### **Aktiviti 4 : Farmasi Regulatori**

Fungsi : Menyelaras dan melaksana aktiviti pendaftaran, pelesenan dan pemantauan bagi memastikan produk farmaseutikal termasuk produk tradisional dan kosmetik yang berada di pasaran adalah selamat, berkualiti dan berkesan.

## **PROGRAM 6 : PENYELIDIKAN DAN SOKONGAN TEKNIKAL**

### **PRESTASI OUTCOME PROGRAM**

#### **Outcome 1 : Infrastruktur kesihatan yang selamat berfungsi**

<b>Petunjuk Prestasi Utama</b>	<b>2021 (Sebenar)</b>	<b>2022 (Sasaran)</b>	<b>2023 (Sasaran)</b>
Peratusan peralatan dan sistem kejuruteraan berada dalam keadaan baik dan berfungsi (%)	98.48	95.00	95.00

#### **Outcome 2 : Dasar dan sistem kesihatan yang mampan**

<b>Petunjuk Prestasi Utama</b>	<b>2021 (Sebenar)</b>	<b>2022 (Sasaran)</b>	<b>2023 (Sasaran)</b>
Peratusan penggunaan hasil kajian Institut Kesihatan Negara (NIH) sebagai maklumat atau penemuan baru (%)	50.00	85.00	85.00
Peratusan pencapaian perbatuan utama perancangan dasar dan sistem kesihatan (%)	98.00	85.00	85.00

#### **Aktiviti 1 : Pengurusan Penyelidikan dan Sokongan Teknikal Ibu Pejabat/Negeri**

Fungsi : Merancang, membangun, mengawal dan menyelaras aktiviti penyelidikan dan sokongan teknikal di Kementerian.

#### **Aktiviti 2 : Kejuruteraan dan Kawal Selia Radiasi Perubatan**

Fungsi : Merancang, melaksana, mengawal selia, menyelaras dan menilai aktiviti kejuruteraan kesihatan umum dan kejuruteraan kemudahan dengan menguatkuasa Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304].

#### **Aktiviti 3 : Penyelidikan**

Fungsi : Menyedia bukti hasil penyelidikan kesihatan melalui aktiviti penyelidikan untuk menggubal dan menilai dasar kesihatan.

#### **Aktiviti 4 : Perancangan**

Fungsi : Membangun, merancang dan melaksana pembangunan dasar, fasiliti kesihatan dan Sistem Maklumat Kesihatan Bersepadu secara cekap, berkesan dan bertepatan masa.

### **Aktiviti 5 : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan**

Fungsi : Mengawal selia industri peranti perubatan dengan penguatkuasaan akta bagi memastikan keselamatan orang awam dan prestasi peranti perubatan terjamin.

## **PROGRAM 7 : KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN**

### **PRESTASI OUTCOME PROGRAM**

**Outcome :** *Makanan di pasaran tempatan dan eksport adalah selamat dan berkualiti*

<b>Petunjuk Prestasi Utama</b>	<b>2021 (Sebenar)</b>	<b>2022 (Sasaran)</b>	<b>2023 (Sasaran)</b>
Peratusan produk makanan yang dipantau mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 (%)	93.20	96.00	96.00
Peratusan penolakan konsainan makanan yang diberi sijil eksport (%)	0.06	1.00	1.00

### **Aktiviti 1 : Pengurusan Keselamatan dan Kualiti Makanan Ibu Pejabat/ Negeri**

Fungsi : Menyedia personel yang berkemahiran dan mencukupi untuk menjalankan aktiviti keselamatan dan kualiti makanan seluruh negara.

### **Aktiviti 2 : Pematuhan dan Pembangunan Industri**

Fungsi :

- (a) Menguatkuasakan undang-undang bagi mengawal selia industri makanan tempatan supaya makanan domestik dan import di pasaran selamat dan berkualiti;
- (b) Menjalankan kawalan ke atas eksport makanan ke luar negara; dan
- (c) Membangun dan melaksana skim pensijilan, pelesenan berkaitan keselamatan dan kualiti makanan.

### **Aktiviti 3 : Dasar, Perancangan Strategik dan Standard CODEX**

Fungsi :

- (a) Menetapkan dasar keselamatan makanan;
- (b) Memastikan perundangan dan standard makanan selaras dengan keperluan semasa dan kemajuan sains dan teknologi makanan serta perkembangan global; dan
- (c) Mempertahan kepentingan negara dalam penggubalan standard makanan antarabangsa di mesyuarat CODEX.

**ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2023 MENGIKUT OBJEK AM**

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Anggaran Tahun 2022 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2023 RM</i>
10000	Emolumen	17,411,744,800	<b>19,725,512,300</b>
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	10,040,744,600	<b>11,193,269,700</b>
30000	Aset	110,622,000	<b>112,972,400</b>
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	466,488,600	<b>468,161,600</b>
50000	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	400,000	<b>84,000</b>
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS		28,030,000,000	<b>31,500,000,000</b>

**ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2023 MENGIKUT OBJEK AM**

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Anggaran Tahun 2022 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2023 RM</i>
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	2,449,115,000	<b>2,787,560,900</b>
30000	Aset	1,888,253,600	<b>1,953,583,000</b>
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	42,261,200	<b>86,212,000</b>
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		4,379,629,800	<b>4,827,355,900</b>

**RINGKASAN**

Anggaran Perbelanjaan Mengurus	28,030,000,000	<b>31,500,000,000</b>
Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Cara Langsung) ... ..	4,379,629,800	<b>4,827,355,900</b>
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN KESIHATAN	32,409,629,800	<b>36,327,355,900</b>

## Pegawai Pengawal : KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KESIHATAN

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2022	2023	2022	2023
			RM	RM		
<b>010000</b>	<b>PENGURUSAN</b>	...	<u>2,309,538,200</u>	<u>2,407,508,500</u>		
		10000	1,243,648,600	1,294,503,600	12,952	12,952
		20000	871,502,600	910,080,900		
		30000	10,000,000	10,000,000		
		40000	183,987,000	192,840,000		
		50000	400,000	84,000		
010100	Pengurusan Ibu Pejabat/Negeri	...	<u>770,545,500</u>	<u>839,825,800</u>		
		10000	600,738,000	684,836,000	2,776	2,776
		20000	155,420,500	142,065,800		
		30000	10,000,000	10,000,000		
		40000	3,987,000	2,840,000		
		50000	400,000	84,000		
010200	Sumber Manusia	...	<u>15,441,200</u>	<u>14,065,200</u>		
		10000	14,576,000	13,355,400	273	273
		20000	865,200	709,800		
010300	Kewangan	...	<u>899,983,400</u>	<u>950,577,600</u>		
		10000	422,177,900	419,762,400	335	335
		20000	477,805,500	530,815,200		
010400	Pengurusan Latihan	...	<u>431,943,100</u>	<u>411,923,500</u>		
		10000	189,485,900	161,758,500	9,339	9,339
		20000	62,457,200	60,165,000		
		40000	180,000,000	190,000,000		
010500	Pengurusan Maklumat	...	<u>186,613,900</u>	<u>186,634,900</u>		
		10000	13,781,700	12,312,900	169	169
		20000	172,832,200	174,322,000		
010600	Pembangunan Kompetensi	...	<u>5,011,100</u>	<u>4,481,500</u>		
		10000	2,889,100	2,478,400	60	60
		20000	2,122,000	2,003,100		
<b>020000</b>	<b>PERUBATAN</b>	...	<u>11,636,633,200</u>	<u>11,814,520,000</u>		
		10000	10,316,913,500	10,499,738,800	168,061	168,061
		20000	1,317,719,700	1,312,781,200		
		40000	2,000,000	2,000,000		
020100	Pengurusan Perubatan Ibu Pejabat/Negeri	...	<u>163,602,800</u>	<u>131,620,500</u>		
		10000	117,467,800	117,875,500	1,340	1,340
		20000	44,135,000	11,745,000		
		40000	2,000,000	2,000,000		
020200	Pengurusan Hospital	...	<u>2,585,000,000</u>	<u>2,625,101,100</u>		
		10000	1,631,635,300	1,639,979,400	31,398	31,398
		20000	953,364,700	985,121,700		
020300	Rawatan Kecemasan dan Pesakit Luar	...	<u>824,797,200</u>	<u>823,368,500</u>		
		10000	824,797,200	823,368,500	13,475	13,475

## Pegawai Pengawal : KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KESIHATAN

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran		Bil. Jawatan	
			2022 RM	2023 RM	2022	2023
020400	Rawatan Am Pesakit Dalam	...	1,237,229,200	<b>1,238,181,100</b>		
		10000	1,237,229,200	<b>1,238,181,100</b>	7,984	<b>7,984</b>
020500	Perubatan Am	...	1,507,939,000	<b>1,518,991,000</b>		
		10000	1,507,939,000	<b>1,518,991,000</b>	13,644	<b>13,644</b>
020600	Pembedahan Am	...	585,581,700	<b>585,869,600</b>		
		10000	585,581,700	<b>585,869,600</b>	9,564	<b>9,564</b>
020700	Obstetrik dan Ginekologi	...	609,369,500	<b>618,548,000</b>		
		10000	609,369,500	<b>618,548,000</b>	16,974	<b>16,974</b>
020800	Pediatrik	...	591,088,200	<b>610,506,300</b>		
		10000	591,088,200	<b>610,506,300</b>	12,482	<b>12,482</b>
020900	Ortopedik	...	316,379,200	<b>310,179,800</b>		
		10000	316,379,200	<b>310,179,800</b>	4,603	<b>4,603</b>
021000	Anaesthesiologi dan Rawatan Rapi	...	461,029,800	<b>468,869,100</b>		
		10000	461,029,800	<b>468,869,100</b>	10,075	<b>10,075</b>
021100	Oftalmologi	...	137,260,300	<b>145,361,500</b>		
		10000	137,260,300	<b>145,361,500</b>	2,120	<b>2,120</b>
021200	Otorinolaringologi (ENT)	...	87,103,900	<b>94,847,100</b>		
		10000	87,103,900	<b>94,847,100</b>	1,403	<b>1,403</b>
021300	Dermatologi	...	42,701,300	<b>39,504,600</b>		
		10000	42,701,300	<b>39,504,600</b>	571	<b>571</b>
021400	Neurologi	...	19,804,000	<b>17,985,600</b>		
		10000	19,804,000	<b>17,985,600</b>	367	<b>367</b>
021500	Nefrologi	...	56,957,200	<b>59,692,800</b>		
		10000	56,957,200	<b>59,692,800</b>	3,016	<b>3,016</b>
021600	Pembedahan Neuro	...	29,687,700	<b>30,739,500</b>		
		10000	29,687,700	<b>30,739,500</b>	636	<b>636</b>
021700	Urologi	...	29,374,700	<b>32,119,300</b>		
		10000	29,374,700	<b>32,119,300</b>	452	<b>452</b>
021800	Pembedahan Plastik	...	16,811,900	<b>16,152,900</b>		
		10000	16,811,900	<b>16,152,900</b>	389	<b>389</b>
021900	Radioterapi dan Onkologi	...	136,993,700	<b>137,567,600</b>		
		10000	115,973,700	<b>121,767,600</b>	1,685	<b>1,685</b>
		20000	21,020,000	<b>15,800,000</b>		
022000	Pengimejan Diagnostik	...	238,503,200	<b>266,912,700</b>		
		10000	238,503,200	<b>266,912,700</b>	3,774	<b>3,774</b>
022100	Patologi	...	449,506,000	<b>453,939,300</b>		
		10000	449,506,000	<b>453,939,300</b>	6,607	<b>6,607</b>
022200	Farmasi dan Bekalan	...	516,869,800	<b>559,294,000</b>		
		10000	516,869,800	<b>559,294,000</b>	8,753	<b>8,753</b>
022300	Dietetik dan Sajjian	...	286,808,900	<b>292,977,500</b>		
		10000	108,818,900	<b>115,197,000</b>	2,856	<b>2,856</b>
		20000	177,990,000	<b>177,780,500</b>		



## Pegawai Pengawal : KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KESIHATAN

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)		Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
				2022	2023	2022	2023
				RM	RM		
022400	Kardiotorasik	...	...	61,009,600	<b>60,736,400</b>	2,609	<b>2,609</b>
		10000		61,009,600	<b>60,736,400</b>		
022500	Perubatan Nuklear	...	...	10,955,900	<b>11,844,900</b>	422	<b>422</b>
		10000		10,955,900	<b>11,844,900</b>		
022600	Perubatan Respiratori	...	...	34,589,000	<b>34,938,000</b>	851	<b>851</b>
		10000		34,589,000	<b>34,938,000</b>		
022700	Psikiatri dan Kesihatan Mental	...	...	319,580,900	<b>335,977,400</b>	6,088	<b>6,088</b>
		10000		291,000,900	<b>307,977,400</b>		
		20000		28,580,000	<b>28,000,000</b>		
022800	Perubatan Rehabilitasi dan Perubatan Tradisional dan Komplimentari	...	...	142,663,000	<b>148,639,400</b>	2,092	<b>2,092</b>
		10000		130,233,000	<b>137,620,400</b>		
		20000		12,430,000	<b>11,019,000</b>		
022900	Perubatan Transfusi Darah	...	...	115,222,000	<b>121,699,300</b>	1,246	<b>1,246</b>
		10000		35,022,000	<b>38,384,300</b>		
		20000		80,200,000	<b>83,315,000</b>		
023000	Perubatan Forensik	...	...	22,213,600	<b>22,355,200</b>	585	<b>585</b>
		10000		22,213,600	<b>22,355,200</b>		
<b>030000</b>	<b>KESIHATAN AWAM</b>	...	...	5,222,082,200	<b>5,485,941,400</b>	<b>83,516</b>	<b>83,516</b>
		10000		4,544,436,300	<b>4,794,297,400</b>		
		20000		677,645,900	<b>691,644,000</b>		
030100	Pengurusan Kesihatan Awam Ibu Pejabat/Negeri	...	...	383,576,600	<b>383,509,700</b>	5,266	<b>5,266</b>
		10000		301,807,600	<b>301,824,600</b>		
		20000		81,769,000	<b>81,685,100</b>		
030200	Pembangunan Kesihatan Keluarga	...	...	3,509,662,600	<b>3,731,663,100</b>	58,827	<b>58,827</b>
		10000		3,165,816,200	<b>3,381,076,800</b>		
		20000		343,846,400	<b>350,586,300</b>		
030300	Kawalan Penyakit	...	...	932,383,500	<b>931,981,700</b>	13,571	<b>13,571</b>
		10000		741,472,100	<b>735,736,600</b>		
		20000		190,911,400	<b>196,245,100</b>		
030400	Pemakanan	...	...	50,249,600	<b>53,804,800</b>	455	<b>455</b>
		10000		26,393,200	<b>27,540,800</b>		
		20000		23,856,400	<b>26,264,000</b>		
030500	Farmasi dan Bekalan Kesihatan Awam	...	...	285,382,100	<b>333,111,100</b>	5,073	<b>5,073</b>
		10000		283,431,600	<b>331,161,000</b>		
		20000		1,950,500	<b>1,950,100</b>		
030600	Pendidikan Kesihatan	...	...	60,827,800	<b>51,871,000</b>	324	<b>324</b>
		10000		25,515,600	<b>16,957,600</b>		
		20000		35,312,200	<b>34,913,400</b>		

## Pegawai Pengawal : KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KESIHATAN

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2022	2023	2022	2023
			RM	RM		
<b>040000</b>	<b>KESIHATAN PERGIGIAN</b>	...	<u>984,699,100</u>	<u>1,064,635,300</u>		
		10000	910,325,200	985,136,900	17,805	17,805
		20000	74,373,900	79,498,400		
040100	Pengurusan Kesihatan Pergigian Ibu Pejabat/Negeri	...	<u>106,257,900</u>	<u>117,511,800</u>		
		10000	77,725,400	85,051,800	1,471	1,471
		20000	28,532,500	32,460,000		
040200	Kesihatan Pergigian Primer	...	<u>657,779,600</u>	<u>715,261,200</u>		
		10000	632,155,200	688,832,800	10,401	10,401
		20000	25,624,400	26,428,400		
040300	Kesihatan Pergigian Masyarakat	...	<u>51,939,100</u>	<u>59,796,800</u>		
		10000	44,342,100	50,806,800	3,004	3,004
		20000	7,597,000	8,990,000		
040400	Kesihatan Pergigian Kepakaran	...	<u>168,722,500</u>	<u>172,065,500</u>		
		10000	156,102,500	160,445,500	2,929	2,929
		20000	12,620,000	11,620,000		
<b>050000</b>	<b>PERKHIDMATAN FARMASI</b>	...	<u>211,545,500</u>	<u>220,827,800</u>		
		10000	178,113,500	190,674,300	2,206	2,206
		20000	33,417,000	30,153,500		
		30000	15,000	0		
050100	Pengurusan Perkhidmatan Farmasi Ibu Pejabat/Negeri	...	<u>38,041,000</u>	<u>43,388,700</u>		
		10000	33,175,000	38,467,700	324	324
		20000	4,866,000	4,921,000		
050200	Amalan dan Perkembangan Farmasi	...	<u>48,163,200</u>	<u>47,531,100</u>		
		10000	35,111,200	35,947,100	524	524
		20000	13,052,000	11,584,000		
050300	Penguatkuasaan Farmasi	...	<u>71,959,600</u>	<u>73,968,800</u>		
		10000	64,940,600	67,592,300	847	847
		20000	7,019,000	6,376,500		
050400	Farmasi Regulatori	...	<u>53,381,700</u>	<u>55,939,200</u>		
		10000	44,886,700	48,667,200	511	511
		20000	8,480,000	7,272,000		
		30000	15,000	0		
<b>060000</b>	<b>PENYELIDIKAN DAN SOKONGAN TEKNIKAL</b>	...	<u>360,515,500</u>	<u>372,549,600</u>		
		10000	144,702,200	156,215,600	2,074	2,074
		20000	140,206,300	141,334,000		
		30000	70,607,000	70,000,000		
		40000	5,000,000	5,000,000		

## Pegawai Pengawal : KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KESIHATAN

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran		Bil. Jawatan	
			2022 RM	2023 RM	2022	2023
060100	Pengurusan Penyelidikan dan Sokongan Teknikal Ibu Pejabat/ Negeri	... 10000 20000	939,700 498,800 440,900	<b>694,600</b> <b>507,100</b> <b>187,500</b>	6	<b>6</b>
060200	Kejuruteraan dan Kawal Selia Radiasi Perubatan	... 10000 20000 30000	174,677,200 21,822,700 82,854,500 70,000,000	<b>187,923,800</b> <b>24,145,300</b> <b>93,778,500</b> <b>70,000,000</b>	359	<b>359</b>
060300	Penyelidikan	... 10000 20000	151,592,300 97,244,200 54,348,100	<b>152,528,300</b> <b>106,313,300</b> <b>46,215,000</b>	1,486	<b>1,486</b>
060400	Perancangan	... 10000 20000 30000	28,306,300 25,136,500 2,562,800 607,000	<b>26,402,900</b> <b>25,249,900</b> <b>1,153,000</b> <b>0</b>	223	<b>223</b>
060500	Pihak Berkuasa Peranti Perubatan	... 40000	5,000,000 5,000,000	<b>5,000,000</b> <b>5,000,000</b>		
<b>070000</b>	<b>KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN</b>	... 10000 20000	99,124,500 73,605,500 25,519,000	<b>108,533,300</b> <b>82,525,700</b> <b>26,007,600</b>	2,126	<b>2,126</b>
070100	Pengurusan Keselamatan dan Kualiti Makanan Ibu Pejabat/ Negeri	... 10000 20000	28,037,600 27,291,800 745,800	<b>32,151,100</b> <b>31,567,500</b> <b>583,600</b>	1,947	<b>1,947</b>
070200	Pematuhan dan Pembangunan Industri	... 10000 20000	57,802,900 45,677,700 12,125,200	<b>62,444,500</b> <b>50,322,200</b> <b>12,122,300</b>	99	<b>99</b>
070300	Dasar, Perancangan Strategik dan Standard CODEX	... 10000 20000	13,284,000 636,000 12,648,000	<b>13,937,700</b> <b>636,000</b> <b>13,301,700</b>	80	<b>80</b>
<b>080000</b>	<b>PROGRAM KHUSUS</b>	... 20000 30000 40000	5,805,861,800 5,500,360,200 30,000,000 275,501,600	<b>6,703,064,100</b> <b>6,401,770,100</b> <b>32,972,400</b> <b>268,321,600</b>		
080100	Bertugas ke Luar Negara	... 20000	500,000 500,000	<b>3,000,000</b> <b>3,000,000</b>		
080200	Emolumen Kakitangan Kontrak	... 20000 40000	2,000,000,000 1,921,678,400 78,321,600	<b>2,600,000,000</b> <b>2,521,678,400</b> <b>78,321,600</b>		
080300	Sumbangan kepada Badan-badan Lain	... 40000	72,180,000 72,180,000	<b>65,000,000</b> <b>65,000,000</b>		

## Pegawai Pengawal : KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KESIHATAN

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)		Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
				2022	2023	2022	2023
				RM	RM		
080400	Rawatan Perubatan Pesara Awam Persekutuan	...	...	445,100,000	<b>445,100,000</b>		
		20000		415,100,000	<b>415,100,000</b>		
		40000		30,000,000	<b>30,000,000</b>		
080500	Perkhidmatan Sokongan Hospital	...	...	104,191,600	<b>110,000,000</b>		
		20000		104,191,600	<b>110,000,000</b>		
080600	Pengoperasian Fasiliti Baru	...	...	50,000,000	<b>50,000,000</b>		
		20000		50,000,000	<b>50,000,000</b>		
080700	Bekalan Perubatan Fasiliti Kesihatan	...	...	3,008,890,200	<b>3,301,991,700</b>		
		20000		3,008,890,200	<b>3,301,991,700</b>		
080800	Perolehan Aset/ Harta Modal/ Kenderaan	...	...	30,000,000	<b>32,972,400</b>		
		30000		30,000,000	<b>32,972,400</b>		
080900	PeKa B40	...	...	80,000,000	<b>75,000,000</b>		
		40000		80,000,000	<b>75,000,000</b>		
081000	Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC)	...	...	15,000,000	<b>20,000,000</b>		
		40000		15,000,000	<b>20,000,000</b>		
<b>090000</b>	<b>DASAR BARU</b>	...	...	0	<b>1,722,420,000</b>		
		10000		0	<b>1,722,420,000</b>		
090100	Tambahan Emolumen	...	...	0	<b>1,722,420,000</b>		
		10000		0	<b>1,722,420,000</b>		
<b>990000</b>	<b>KOMITMEN KEWANGAN</b>	...	...	1,400,000,000	<b>1,600,000,000</b>		
		20000		1,400,000,000	<b>1,600,000,000</b>		
990100	Konsesi Penswastaaan Makmal Ubat dan Stor	...	...	1,400,000,000	<b>1,600,000,000</b>		
		20000		1,400,000,000	<b>1,600,000,000</b>		
<b>JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS</b>				<b>28,030,000,000</b>	<b>31,500,000,000</b>	<u>288,740</u>	<b><u>288,740</u></b>

Maksud Pembangunan 42 – KEMENTERIAN KESIHATAN  
 Pegawai Pengawal : KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KESIHATAN

P.42

Butiran (Projek)	Tajuk	Jumlah Anggaran Harga Projek	Perbelanjaan Sebenar 2021	Anggaran Dipinda 2022	Anggaran Tahun 2023	
					Cara Langsung	Pinjaman
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
00102	Naik Taraf Projek Latihan	28,451,000	0	0	<b>5,110,000</b>	<b>0</b>
00105	Latihan Dalam Perkhidmatan	256,439,268	10,282,192	21,040,864	<b>36,500,000</b>	<b>0</b>
00201	Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar	1,137,669,955	68,899,591	98,498,835	<b>104,972,700</b>	<b>0</b>
00202	BAKAS	9,999,800	0	0	<b>9,999,800</b>	<b>0</b>
00203	Perkhidmatan Kesihatan Bandar	2,334,882,311	200,356,533	205,295,378	<b>285,250,000</b>	<b>0</b>
00204	Klinik Bergerak	1,800,000	0	0	<b>1,650,000</b>	<b>0</b>
00300	Kemudahan Hospital	7,834,469,138	505,571,602	759,491,467	<b>409,299,200</b>	<b>0</b>
00400	Hospital Baru	4,737,842,209	319,013,087	356,608,804	<b>364,900,000</b>	<b>0</b>
00500	Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)	133,500,000	14,026,986	13,361,658	<b>49,600,000</b>	<b>0</b>
00600	Ubahsuai, Naik Taraf dan Pembaikan	700,000,000	149,265,232	94,563,706	<b>400,000,000</b>	<b>0</b>
00700	Perolehan dan Penyelenggaraan Tanah	166,600,000	13,492,344	10,073,470	<b>21,160,000</b>	<b>0</b>
00800	Kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	478,619,400	1,633,390	11,281,722	<b>117,243,900</b>	<b>0</b>
00900	Penyelenggaraan Kuarters KKM	29,920,000	0	0	<b>29,920,000</b>	<b>0</b>
00901	Kemudahan Kuarters Luar Bandar	51,645,885	7,038,997	6,684,536	<b>8,574,000</b>	<b>0</b>
00902	Kemudahan Kuarters Bandar	239,578,133	29,867,078	27,439,618	<b>60,000,000</b>	<b>0</b>
00904	Pejabat dan Jabatan Kesihatan	1,500,000	0	0	<b>1,200,000</b>	<b>0</b>
01100	Peralatan dan Kenderaan	2,122,365,101	536,409,292	256,794,504	<b>606,958,000</b>	<b>0</b>
01200	PPP/PFI	11,688,310,270	2,164,013,934	2,304,844,469	<b>2,313,018,300</b>	<b>0</b>
09000	Pelbagai Suntikan Modal	9,000,000	0	1,100,000	<b>2,000,000</b>	<b>0</b>
<b>JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN</b>		<b>31,962,592,470</b>	<b>4,019,870,258</b>	<b>4,167,079,031</b>	<b>4,827,355,900</b>	<b>0</b>

*(Muka surat ini dibiarkan kosong)*